



جباتن كحا كمن شرعيتا ماليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62677 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8886 4800

8886 4888

Faks: 03-8889 1621

email: ibrahim@esyariahi.gov.my

Laman Web: www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.BPKR/100-5/5/2 Jld. 2 (6)

Tarikh : 19 Jamadilakhir 1429H/
23 Jun 2008M

**Y.A.A Ketua -Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri.**

ArRAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2008

Panduan Dalam Prosiding Meminta Seorang Wali Untuk Mewalikan Anak Perempuannya

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 1 Tahun 2008 pada 11 Jamadilakhir 1429H bersamaan 15hb. Jun 2008 telah bersetuju dan mengesahkan prosiding untuk meminta seorang wali bagi mewalikan anak perempuannya yang melibatkan kes wali enggan mengikut Hukum Syarak, Mahkamah boleh mengarahkan sebanyak 2 kali terhadap wali tersebut agar memberikan perwalian atau mewakilkannya bagi tujuan pernikahan anak perempuannya.

2. Arahan Hakim yang melebihi 2 kali, jika masih tidak dipatuhi oleh wali berkenaan akan menyebabkan wali tersebut berstatus wali fasiq. Justeru itu kuasa wali semasa itu akan berpindah kepada wali ab'ad dan bukannya wali hakim/wali Raja.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 30 Jun 2008.

(Datuk Hj. Ibrahim bin Lembut)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA